

20 JUN 1999

Umno-bahas (agama)

MAHATHIR PEJUANG ISLAM SEJATI WALAU TAK BERIMEJ ULAMA

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah jaguh dan pejuang Islam sejati yang lebih banyak berbakti kepada bangsa dan agama daripada mana-mana pemimpin PAS, Perhimpunan Agung Umno diberitahu hari ini.

Wakil Wilayah Persekutuan Muin Abdul Manaf berkata Perdana Menteri bagaimanapun tidak suka menunjuk-nunjuk keIslamannya.

Ketika membahaskan usul agama pada hari terakhir perhimpunan empat hari itu, beliau berkata Dr Mahathir tidak perlu mulakan ucapan dengan doa dan wirid dalam bahasa Arab yang panjang kerana beliau sentiasa berdoa untuk kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

"Dr Mahathir tak perlu berkopiah putih atau menyimpan janggut untuk tunjukkan beliau pemimpin sejati orang Islam kerana cahaya dari wajahnya sudah cukup bagi menggambarkan keikhlasan hatinya untuk memperjuangkan bangsa agama dan negara," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir menghantar tentera berjihad di bumi Bosnia tetapi "pemimpin PAS pula mengisytiharkan jihad menentang Umno".

Muin juga menyelar sikap pemimpin PAS yang hanya pandai menumpang kemudahan kerajaan yang diberi kepada rakyat seperti masjid dan kemudian menggunakannya untuk mencaci dan menghina kerajaan dan Umno.

"Kalau di ladang PAS boleh diumpamakan seperti belalang yang merosakkan tanaman dan jika di tilam PAS adalah seperti pepijat yang mengganggu tidur," katanya.

Beliau berkata di pusat-pusat pengajian tinggi yang dibina oleh kerajaan pula, PAS adalah virus yang meracuni pemikiran pelajar dan pensyarah universiti.

"Itulah PAS, sebuah parti yang memperalatkan agama untuk kepuasan peribadi dan nafsu semata-mata," katanya.

Muin berkata PAS selama ini tidak berbuat apa-apa untuk memajukan umat Islam terutamanya daripada segi ekonomi dan pendidikan atau berusaha meninggikan syiar Islam.

Sebaliknya Umno telah melakukan banyak perkara untuk pembangunan Islam seperti memwujudkan Mahkamah Syariah, membina banyak sekolah agama, Maktab Perguruan Islam dan Universiti Islam Antarabangsa.

Wakil Perlis, Arof Saad pula menyarankan Umno supaya menganjur lebih banyak ceramah di seluruh negara bagi memerangi dakwah dan fitnah PAS terhadap Dr Mahathir dan pemimpin parti yang lain.

Antara fitnah itu ialah kononnya Dr Mahathir jatuh sakit dan tidak dapat melakukan tawaf serta pergi ke Arafah semasa beliau menunaikan haji di Mekah awal tahun ini.

"Fitnah itu yang disebar melalui Internet ketika Dr Mahathir masih berada di tanah suci kemudian dijadikan bahan oleh PAS untuk menyebarkannya dalam ceramahnya di Perlis," kata Arof.

Katanya Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim, yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis, telah menafikan perkara itu sekembalinya beliau dari Mekah dan Umno Perlis bertindak mengadakan ceramah di seluruh negeri untuk menerangkan perkara sebenar bagi menangkis fitnah PAS itu.

Arof berkata pemimpin PAS harus insaf dan menghentikan dakwah dan fitnah mereka kerana dalam Islam, menyebarkan fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh.

"Pemimpin PAS seharusnya mencontohi Dr Mahathir yang sentiasa mengajak rakyat ke arah kebaikan dan bukan mengajak orang melakukan kemungkaran,

fitnah dan menyakiti orang lain," katanya.

--BERNAMA

AKT ARA MAI